

## Konsep Madani panduan kemudi negara

Oleh TUAN BUQHAIKHAH TUAN MUHAMAD ADNAN  
19 Januari 2023 01:21pm

PUTRAJAYA - Konsep Madani yang menjadi tunjang Kerajaan Perpaduan Malaysia menggariskan enam tonggak panduan untuk mengemudi negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, Madani dirangka sebagai ikhtiar untuk memetakan strategi bagi mentadbir negara dengan berkesan.

"Negara dan peradaban yang kita citakan dan akan bangun kelak haruslah Madani iaitu Mampan, Sejahtera, Berdaya Cipta, Saling Menghormati, Punyai Keyakinan dan Bersifat Ihsan," katanya ketika berucap di hadapan 2500 hadirin dalam amanat Perdana Menteri: Membangun Malaysia Madani, di sini pada Khamis.



Anwar menyampaikan Amanat Membangun Malaysia Madani : Visi dan Kerangka Dasar Reformasi pada Majlis Pelancaran Wacana Membangun Malaysia Madani di PICC) hari ini. - Foto Bernama